



Oleh: aidaothman@unimap.edu.my

UniMAP Juara Sukan Staf IPTA

Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti-universiti Malaysia (SSAUM) yang berlangsung pada 15 hingga 24 Jun 2008 lalu menyerlahkan kekuatan kontinjen Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) apabila berjaya muncul juara keseluruhan pada penganjuran edisi ke-33.

Pada kejohanan tersebut, UniMAP berjaya memenangi sejumlah 22 pingat emas, 9 perak dan 5 gangsa meninggalkan jauh Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di tempat kedua dengan pungutan 10 emas, 8 perak dan 9 gangsa.

Ia kejayaan cemerlang dan gemilang buat UniMAP di Kuching dan pungutan 22 emas ini adalah yang terbaik secara keseluruhan sejak UniMAP mula menyertai SSAUM pada tahun 2004.

Kejayaan itu juga secara tidak langsung membuktikan kontinjen UniMAP bukanlah jaguh kampung selepas mengatasi pencapaian pada edisi ke-32 iaitu 4 emas, 6 perak dan 1 gangsa yang mana UniMAP bertindak sebagai penganjur kejohanan.

Pada penganjuran edisi ke-32, UniMAP sekadar menduduki tempat ketiga keseluruhan melalui penguasaan hanya dalam acara berkumpulan dan boling, tetapi kejayaan manis yang dilakar di Bumi Kenyalang membuktikan UniMAP selaku wakil dari negeri Singa Utara mampu melakarkan kejayaan cemerlang di luar gelanggang sendiri. Ia juga meletakkan kedudukan UniMAP dalam bidang sukan di martabat lebih tinggi berbanding sebelumnya kerana kini

UniMAP adalah kuasa terbesar di antara semua Institusi Pengajian Tinggi Awam yang terdapat di negara ini. UniMAP yang diketuai oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Mohd. Mustafa Al-Bakri Abdullah, muncul juara dalam

enam acara iaitu olahraga, bola tampar lelaki, futsal veteran lelaki, bola sepak lelaki senior, boling 4 sepasukan dan futsal wanita.



Selain itu, pasukan UniMAP yang disertai oleh 150 atlet turut mengekalkan kejayaan tahun lalu dalam acara bola tampar wanita senior iaitu naib juara dan muncul naib juara juga dalam acara badminton campuran sekali gus memperbaiki pencapaian tahun lalu apabila terkandas di peringkat suku akhir.

Sementara itu, bagi acara olahraga pula, UniMAP berjaya meraih 17 pingat emas serta memperbaharui 11 rekod kejohanan antaranya 100 meter dan 200 meter lelaki senior, 100 meter dan 200 meter lelaki veteran, 400 meter lelaki veteran dan, kuartet 4x100 meter lelaki veteran, lelaki senior dan wanita senior, lompat jauh wanita senior dan lontar peluru wanita senior. UniMAP turut meraih emas dan rekod baru bagi acara 800 meter wanita senior dan 1,500 meter lelaki senior.

Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin berkata, kejayaan itu secara tidak langsung membuktikan kakitangan universiti juga mampu menyumbangkan sesuatu untuk dibanggakan meskipun UniMAP masih dikategorikan 'hijau' dan tidak memiliki prasarana sukan yang lengkap.

"Kejayaan ini sesuatu yang sangat membanggakan. Kita (UniMAP) yang merupakan universiti ke-17 ditubuhkan di Malaysia tetapi mampu muncul juara baru kejohanan sukan staf, jauh meninggalkan universiti-universiti ternama lainnya meskipun terpaksa menyewa stadium dan gelanggang untuk latihan." Tiada formula khusus dalam memastikan kejayaan Kontinjen UniMAP selain komitmen berpasukan yang jitu serta kesefahaman yang diwujudkan oleh pihak pengurusan dan kakitangan," katanya.



UniMAP Juara Sukan Staf IPTA

Menurut beliau lagi, polisi universiti yang turut menetapkan kriteria pengambilan kakitangan yang berkecuali serta mempunyai latar belakang dalam bidang sukan juga nyata berhasil. Ujar beliau, polisi serampang dua mata itu bukan sahaja membantu melicinkan operasi pentadbiran universiti malah ia turut mengiktiraf UniMAP sebagai jaguh di arena sukan sebagaimana yang dibuktikan pada kejohanan kali ini. "Meskipun kita mempunyai jaguh pecut Negara, Nazmizan Muhammad, namun kejayaan UniMAP pada edisi kali ini tidak hanya dipikul oleh beliau sebaliknya hasil semangat atlet keseluruhannya yang berusaha sehingga ke noktah terakhir untuk memastikan kejayaan UniMAP," katanya lagi.

Beliau menambah : "Kejayaan ini juga membuktikan UniMAP bukan jaguh kampung yang hanya cemerlang di tempat sendiri tetapi kecundang di gelanggang lawan.



Selain UniMAP, UKM, UNIMAS dan UPM, turut mengambil bahagian ialah Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Utara Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi Mara, Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Malaysia Terengganu dan Universiti Darul Iman Malaysia.

Tidak ketinggalan, Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Malaysia Pahang, Universiti Teknikal Melaka, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Perguruan Sultan Idris dan Universiti Pertahanan Malaysia dengan penyertaan keseluruhan membabitkan 3,000 atlet.



Kejohanan edisi ke-33 yang disertai oleh 20 universiti awam di Malaysia serta Kementerian Pengajian Tinggi itu dirasmikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Yang Berhormat Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.



JUMLAH KUTIPAN PINGAT KESELURUHAN

	Universiti	E	P	G	Jumlah
1	UniMAP	22	9	5	36
2	UNIMAS	10	8	9	27
3	UKM	9	12	14	35
4	UPM	9	6	3	18
5	UPSI	5	2	5	12
6	UM	4	11	4	19
7	UIAM	4	11	4	19
8	UMS	4	3	6	13
9	UTM	4	2	6	12
10	UITM	3	8	6	17
11	UDM	3	2	4	9
12	UTHM	1	2	1	4
13	UUM	1	1	4	6
14	UTeM	1	0	3	4
15	USM	0	3	5	8
16	UMT	0	0	2	2
17	KPT	0	0	0	0
18	USIM	0	0	0	0
19	UMP	0	0	0	0
20	UMK	0	0	0	0
21	UPNM	0	0	0	0

